

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)



**GARIS PANDUAN TENDER PEROLEHAN PERKHIDMATAN  
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) BAGI  
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DI BAWAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>1. PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>2. TAKRIFAN</b>	<b>1</b>
<b>3. KERAHSIAAN</b>	<b>1</b>
<b>4. JADUAL PELAKSANAAN DAN TEMPOH SAH LAKU TENDER</b>	<b>2</b>
<b>5. ANGGARAN HARGA JABATAN</b>	<b>2</b>
<b>6. SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN</b>	<b>3</b>
<b>7. PENILAIAN</b>	<b>4</b>
<b>8. KERTAS PERTIMBANGAN TENDER</b>	<b>9</b>
<b>9. PENGUATKUASAAN</b>	<b>10</b>
<b>LAMPIRAN 1</b>	<b>11</b>
CONTOH JADUAL PELAKSANAAN	11
<b>LAMPIRAN 2</b>	<b>12</b>
PAPARAN TEMPOH SAH LAKU DI SISTEM E-PEROLEHAN	12
<b>LAMPIRAN 3</b>	<b>13</b>
SENARAI SPESIFIKASI YANG DIBENARKAN.	13
<b>LAMPIRAN 4</b>	<b>17</b>
JADUAL DAN FORMULA PENGIRAAN KEPERLUAN PEKERJA.	17

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

## **1. PENDAHULUAN**

Garis Panduan Pelaksanaan Tender Perolehan Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) Pendidikan Tinggi (KPT) ini adalah bagi menyelaras satu kaedah yang sama untuk diguna pakai oleh semua PTj di bawah KPT dalam pelaksanaan perolehan PKK. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan Kerajaan (PK) 2.2 Tender Terbuka, Lampiran 9 : Garis Panduan Penilaian Tender Bekalan Dan Perkhidmatan

## **2. TAKRIFAN**

- 2.1. **Pusat Tanggungjawab (PTj)** merujuk kepada pejabat di mana Pemegang Waran Peruntukan/Ketua Jabatan telah menerima perwakilan kewajipan daripada Pegawai Pengawal dan bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal sumber kewangan di bawah seliaannya seperti peruntukan mengurus, peruntukan pembangunan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah, pengurusan terimaan, pengurusan aset, pengurusan liabiliti serta sumber-sumber lain yang berkaitan dengan menjalankan fungsi minimum PTj.
- 2.2. **PTj di bawah KPT** merujuk kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), politeknik dan kolej komuniti, dan agensi seperti Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) serta Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP).
- 2.3. **Anggaran Harga Jabatan (AHJ)** dan Harga Indikatif Jangkaan adalah merupakan perkara yang sama. Ia merujuk kepada anggaran kos mendapatkan bekalan atau perkhidmatan yang diingini oleh jabatan tanpa mengambil kira elemen cukai.
- 2.4. **Peruntukan yang mencukupi** adalah peruntukan yang diluluskan dan telah mengambil kira sebarang kos berkaitan perolehan seperti caj, cukai, levi, bayaran, permit, kebenaran, insurans atau lesen. Contohnya Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan sebanyak enam peratus (6%), caj Free on Board (FOB) untuk pengangkutan dan insurans serta caj Multimodal Transport Operator (MTO) yang melibatkan barang-barang import.

## **3. KERAHSIAAN**

- 3.1. Semua pegawai dan kakitangan diingatkan bahawa sebagai penjawat awam perlu menjaga kerahsiaan berkenaan maklumat sesuatu perolehan sebut harga dan tender yang diklasifikasikan sebagai **SULIT**.
- 3.2. Sebarang kebocoran maklumat kepada pihak luar dan pembekal seharusnya tidak berlaku semasa tempoh urusan perolehan tersebut berjalan.
- 3.3. Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pegawai yang terlibat dalam proses sebut harga dan tender menandatangani perakuan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694].

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

- 3.4. Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu sebut harga dan tender adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.
- 3.5. Maklumat hanya boleh diberikan setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang atau dengan kebenaran secara bertulis daripada petender.
- 3.6. PTj adalah dikehendaki mendaftar dokumen tender yang diklasifikasikan sebagai dokumen terperingkat bagi perolehan strategik/ keselamatan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

#### 4. JADUAL PELAKSANAAN DAN TEMPOH SAH LAKU TENDER

- 4.1. Sebagaimana yang digariskan di dalam PK2.2 Para 10.5, PTj dikehendaki menyediakan jadual pelaksanaan tender untuk memastikan tarikh pengeluaran SST tender adalah selewat-lewatnya **SEBULAN** sebelum tarikh kontrak sedia ada tamat (Rujuk contoh Jadual Pelaksanaan di **Lampiran 1**)
- 4.2. Kegagalan PTj di dalam merancang pelaksanaan tender dengan betul boleh menyebabkan perkhidmatan kawalan keselamatan terganggu/terputus.
- 4.3. Jadual Pelaksanaan akan membantu PTj untuk merancangkan pengurusan tender dengan kemas.
- 4.4. Tempoh sah laku tender yang ditetapkan adalah **TIDAK KURANG DARI 180 HARI**. (Rujuk paparan di **Lampiran 2**)

#### 5. ANGGARAN HARGA JABATAN

- 5.1. Kajian pasaran adalah **WAJIB** dilaksanakan. Beberapa kaedah kajian boleh dilaksanakan bagi mencapai tujuan ini. Antara kaedah yang boleh digunakan bagi mendapatkan AHJ adalah dengan mendapatkan harga tawaran daripada sekurang-kurangnya tiga (3) pembekal tempatan. AHJ juga boleh diperolehi dengan menjadikan AHJ agensi kerajaan lain yang berdekatan sebagai penanda aras harga.
- 5.2. Kajian pasaran hendaklah berdasarkan lokaliti PTJ agar munasabah dan menguntungkan kerajaan.
- 5.3. AHJ yang ditetapkan hendaklah mengambil kira segala keperluan PTJ yang mesti diperincikan di dalam dokumen spesifikasi tender seperti gaji pekerja, bilangan pekerja, bilangan syif, peralatan yang digunakan, bayaran cuti rehat, bayaran OT cuti rehat, bayaran cuti umum, bayaran OT cuti umum, caruman majikan (KWSP, PERKESO dan SIP), keuntungan syarikat, kos-kos serta keperluan lain yang munasabah.

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

- 5.4. AHJ akan dijadikan asas untuk membida peruntukan belanjawan tahunan dengan mengambil kira elemen cukai jualan dan perkhidmatan (CJCP) atau apa-apa elemen pembayaran yang berkaitan dengan perolehan yang bakal dilaksanakan. Bidaan peruntukan juga perlu mengambil elemen peningkatan harga pasaran akibat inflasi.
- 5.5. AHJ **TIDAK BOLEH** melebihi peruntukan yang diluluskan dan **WAJIB** mengambil kira elemen cukai jualan dan perkhidmatan (CJCP).
- 5.6. AHJ hendaklah dimaklumkan kepada petender di dalam dokumen tender.

## 6. SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN

- 6.1. Penetapan Spesifikasi yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Penetapan
1.	Dokumen yang <b>WAJIB</b> disertakan.	<p><b>Dokumen kelayakan syarikat menyertai Tender</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jadual Pematuhan Skop Perkhidmatan</li> <li>- Salinan Pendaftaran KWSP- Borang A</li> <li>- Salinan Pendaftaran PERKESO</li> <li>- Salinan SIP</li> </ul> <p><b>Dokumen kewangan syarikat</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyata 3 bulan akaun bank terkini yang disahkan oleh Pegawai Kewangan di Bank (Perolehan - rujuk di dokumen tender)</li> <li>- Pengesahan Institusi Kewangan</li> <li>- Kunci kira-kira Tahunan yang telah diaudit (1 tahun dan tahun terkini)</li> </ul>
2.	<b>Perkara Umum</b> berkaitan dengan spesifikasi	<p>Penetapan spesifikasi adalah hanya pada 1 item yang sama sahaja.</p> <p>Contoh :</p> <p><b>(spesifikasi yang betul)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kadar sebulan pekerja bertugas</li> </ul>

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

Bil	Perkara	Penetapan
		<p><b>(spesifikasi yang salah)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <u>Wisel dan baju hujan</u> bagi setiap anggota bertugas</li> </ul> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;">  <p>Wisel dan baju hujan adalah 2 perkara yang berbeza</p> </div> <p><b>(Spesifikasi yang salah)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pekerja bertugas di hari cuti (ya/tidak)</li> <li>Pekerja bertugas di hari biasa (ya/tidak)</li> </ol> <p>* anggota adalah perkara yang sama</p>
3.	<b>Spesifikasi yang DIBENARKAN.</b>	Rujuk <b>Lampiran 3</b>
4.	Bilangan Pekerja yang <b>DIBENARKAN</b>	Rujuk <b>Lampiran 4</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jadual Bilangan Pekerja Kebersihan Kawasan Bangunan</li> <li>- Jadual Bilangan Pekerja Kebersihan Kawasan (Landscaping)</li> </ul>
5.	Tempoh Kontrak	<b>3 Tahun</b>
6.	Peringatan Umum	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Gaji Pekerja mestilah ditetapkan melebihi Paras Gaji Minima Kebangsaan.</b></li> <li>- <b>Selain dari senarai spesifikasi yang dibenarkan perlu mendapat kelulusan SUB Kewangan KPT.</b></li> </ul>

## 7. PENILAIAN

- 7.1. Penilaian Perolehan ini boleh dilakukan sama ada secara 1 peringkat atau 2 peringkat. Sebagaimana yang ditetapkan di dalam PK5.1
- 7.2. Tempoh penilaian yang ditetapkan adalah **tidak lebih dari 30 hari**.
- 7.3. Ahli Jawatankuasa Penilaian tidak hanya di kalangan anggota dari unit, seksyen, bahagian, jabatan/institusi yang sama.

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

7.4. Penilaian adalah dibahagikan secara berikut:

	<b>Markah Lulus</b>	<b>Jumlah Markah Keseluruhan (%)</b>
<b>Teknikal</b>	75	50
<b>Kewangan</b>	70	50
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>

7.5. Skor Penilaian Teknikal adalah secara **AUTOMATIK**. Tahap peratusan kelulusan adalah 75%.

7.6. Skor Keupayaan Kewangan adalah secara MANUAL. Ini perlu disetkan di dalam sistem ePerolehan sebagai 'Skor PENGGUNA'. Tahap peratusan kelulusan adalah 70%.

7.7. Jumlah keseluruhan adalah 100%

7.8. **Perincian Skema Skor Keseluruhan** adalah seperti berikut:

<b>Penentuan Skor Secara Item (Berdasarkan Penetapan Skor Keseluruhan Secara Item)</b>			
	<b>Spesifikasi/ Harga Item (%)</b>	<b>Elemen Lain (%)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Penilaian Teknikal	40	10	50
Penilaian Kewangan	1	49	50
Jumlah			100
<b>Markah Lulus : 75%</b>			

**Contoh:**

**Skema Markah Bagi Penilaian Teknikal**

Markah Penuh Item Spesifikasi : 70 ; Skor Teknikal : 40 %

Markah Penuh Elemen Lain : 30 ; Skor Teknikal : 10%

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

### Skema Markah Bagi Penilaian Kewangan

Markah Penuh Harga : 1 ; Skor Harga : 1%

Markah Penuh Elemen Lain : 99 ; Skor Elemen Lain : 49%

Maka berikut adalah jadual kedudukan pembekal bagi item berdasarkan peratusan markah keseluruhan:

Bil	Kedudukan Sistem	Kod Pembekal	Penilaian Teknikal		Penilaian Kewangan		Peratusan Markah Keseluruhan (100%)	Harga (RM) (Kedudukan Harga Tawaran)	Keputusan
			Item Spesifikasi (40%) (70)*	Elemen Lain (10%) (30)*	Harga Item (1%) (1)*	Elemen Lain (49%) (99)*			
1.	1	2	40 (70)	10 (30)	1 (1)	49 (99)	100	700,000 (1)	Lulus
2.	2	3	34.29 (60)	10 (30)	1 (1)	39.60 (80)	84.89	800,000 (2)	Lulus
3.	3	5	33.14 (58)	8.33 (25)	0 (0)	38.60(78)	80.07	999,999 (3)	Lulus

**Contoh 1 hasil kunci spesifikasi markah yang salah:**



Kedudukan Sistem	Kod Pembekal	Penilaian Teknikal		Penilaian Kewangan		Peratusan Markah Keseluruhan (100%)	Harga (RM) (Kedudukan Harga Tawaran)	Keputusan
		Item Spesifikasi (50%) (155)*	Elemen Lain (0%) (60)*	Harga Item (50%) (50)*	Elemen Lain (0%) (60)*			
Hanya satu pembekal yang lulus kerana kesilapan pada markah yang dikunci masuk.	36	45.16 (140)	0 (58)	50 (50)	0 (60)	95.16	658,800.00 (6)	Lulus
	14	44.52 (138)	0 (60)	20 (20)	0 (60)	64.52	592,920.00 (1)	Gagal
	38	46.77 (145)	0 (56)	20 (20)	0 (60)	66.77	596,214.00 (2)	Gagal
	-	45.48 (141)	0 (57)	20 (20)	0 (60)	65.48	625,860.00 (3)	Gagal
	-	45.16 (140)	0 (60)	20 (20)	0 (55)	65.16	632,448.00 (4)	Gagal
	6	-	1	49.35 (153)	0 (57)	10 (10)	0 (60)	59.35
	7	-	24	44.19 (137)	0 (60)	10 (10)	0 (60)	54.19
	8	-	47	41.29 (128)	0 (48)	10 (10)	0 (60)	51.29
	9	-	27	39.68 (123)	0 (58)	10 (10)	0 (60)	49.68
	10	-	39	48.71 (151)	0 (60)	10 (10)	0 (55)	58.71
	11	-	8	45.48 (141)	0 (60)	10 (10)	0 (60)	55.48
	12	-	11	42.26 (131)	0 (55)	10 (10)	0 (60)	52.26

Mukasurat 10 dari 16

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

### Contoh 2 hasil kunci spesifikasi markah yang salah:

Hanya satu pembekal yang lulus kerana kesilapan pada markah yang dikunci masuk.

	Kedudukan Sistem	Kod Pembekal	Penilaian Teknikal		Penilaian Kewangan		Peratusan Markah Keseluruhan (100%)	Harga (RM) (Kedudukan Harga Tawaran)	Keputusan
			Item Spesifikasi (20%) (94) *	Elemen Lain (30%) (20) *	Harga Item (20%) (40) *	Elemen Lain (30%) (80) *			
		13	20 (94)	4.5 (3)	20 (40)	27.38 (73)	71.88	553,392.00 (14)	Lulus
		9	20 (94)	15 (10)	10 (20)	22.5 (60)	67.5	367.20 (1)	Gagal
	-	11	20 (94)	0 (0)	10 (20)	28.5 (76)	58.5	408,983.04 (2)	Gagal
	-	19	20 (94)	0 (0)	10 (20)	26.25 (70)	56.25	448,511.04 (3)	Gagal
	-	10	20 (94)	0 (0)	10 (20)	18.75 (50)	48.75	453,254.40 (4)	Gagal
5	-	8	20 (94)	0 (0)	10 (20)	19.5 (52)	49.5	467,600.40 (5)	Gagal
6	-	12	20 (94)	4.5 (3)	10 (20)	15.38 (41)	49.88	469,065.60 (6)	Gagal
7	-	17	20 (94)	0 (0)	10 (20)	22.5 (60)	52.5	474,336.00 (7)	Gagal
8	-	7	20 (94)	0 (0)	10 (20)	24.75 (66)	54.75	480,449.52 (8)	Gagal
9	-	4	20 (94)	15 (10)	10 (20)	22.5 (60)	67.5	480,449.52 (8)	Gagal
10	-	3	20 (94)	0 (0)	10 (20)	18.75 (50)	48.75	483,243.12 (10)	Gagal
11	-	1	20 (94)	4.5 (3)	10 (20)	29.63 (79)	64.13	516,762.72 (11)	Gagal
12	-								

Mukasurat 10 dari 17

### 7.9. Perincian bagi Penilaian Kewangan adalah seperti berikut:

- 7.9.1. Skor Harga adalah sebahagian dari penilaian kewangan. Kaedah penilaian adalah secara **AUTOMATIK**. Harga yang berada di dalam julat AHJ diberikan markah 1 dan yang berada di luar julat adalah sifar. Julat harga yang disarankan adalah dari -10% sehingga +10% dari nilai AHJ.

Dari Varian %	Hingga Varian %	Skor Di bawah Varian	Skor Dalam Varian	Skor Melebihi Varian
10	10	0	1	0

- 7.9.2. Penyata Kewangan adalah bagi menilai kecairan kewangan petender. Purata 3 bulan kewangan petender dibandingkan dengan harga 3 bulan tawaran petender seperti berikut:

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

**Purata 3 bulan penyata bank petender = c**

**Harga tawaran petender untuk 1 bulan = a**

Julat Kecairan	Markah
$c < 3a$	0
$3a \leq c < 4a$	2
$4a \leq c < 5a$	4
$5a \leq c < 6a$	6
$6a \leq c < 7a$	8
$7a \leq c$	10

**Contoh:**

Harga tawaran petender untuk 36 bulan		RM 2,560,000.00
Purata 3 bulan penyata bank petender	c	RM 125,000.00
Harga tawaran petender sebulan	a	RM 71,111.12
Kos untuk membayar petender untuk 3 bulan	3a	RM 213,333.34
Didapati $3a$ lebih besar dari $c$		$c < 3a$
Maka jumlah skor petender		0

- 7.9.3. Penilaian Aset dan Liabiliti adalah bagi menilai komitmen kewangan petender. Ini boleh didapatkan melalui dokumen Kunci Kira-kira petender.
- 7.9.4. Aset adalah perkara yang berbentuk harta, hartanah, wang tunai, saham atau apa sahaja yang boleh ditukar/digunakan oleh petender untuk dijadikan wang tunai bagi membayar komitmen petender.
- 7.9.5. Liabiliti adalah komitmen kewangan petender seperti hutang.
- 7.9.6. Penilaian ini dilakukan dengan mendapatkan nisbah aset lawan liabiliti petender. Jika petender mempunyai nisbah lebih dari nilai 1. Petender mempunyai kewangan yang baik.

**a = jumlah aset petender**

**j = liability**

**n = nisbah (a/j)**

Jadual pemarkahan adalah seperti berikut:

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

Nisbah	Markah
$n \leq 1$	0
$1 \leq n < 1.25$	3
$1.25 \leq n < 1.5$	5
$1.5 \leq n < 2.0$	7
$n \geq 2.0$	10

7.9.7. Konsep yang sama boleh digunakan untuk nisbah kecairan seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 a &= \text{jumlah tunai dalam akaun (b)} + \text{jumlah wang belum terima (c)} \\
 a &= (b + c) \\
 j &= \text{liabiliti} \\
 n &= \text{nisbah } (a/j)
 \end{aligned}$$

Jadual pemarkahan adalah seperti berikut;

Nisbah	Markah
$n \leq 1$	0
$1 \leq n < 1.25$	3
$1.25 \leq n < 1.5$	5
$1.5 \leq n < 2.0$	7
$n \geq 2.0$	10

7.9.8. Bagi fasiliti kewangan dari perbankan atau sebarang institusi kewangan, PTj hendaklah memasukkan elemen ini sebagai penilaian tambahan yang tidak menyumbang nilai kepada penilaian kewangan.

## 8. KERTAS PERTIMBANGAN TENDER

- 8.1. Hendaklah disediakan dengan kadar segera selepas selesai peringkat penilaian tender.
- 8.2. Tempoh masa selepas tutup iklan sehingga Kertas Pertimbangan Tender sampai kepada urusetia Lembaga Perolehan KPT adalah ditetapkan **tidak lebih dari 100 hari**.

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

## **9. PENGUATKUASAAN**


- 9.1. Semua PTj adalah WAJIB untuk menepati Garis Panduan ini agar proses tender dapat diselaraskan mengikut keperluan Jabatan dan Kementerian.
- 9.2. Keperluan selain dari yang telah digariskan perlu mendapatkan kelulusan dari SUB Kewangan KPT.
- 9.3. Garis Panduan ini berkuat kuasa pada **15 Jun 2023**.

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

**LAMPIRAN 1****CONTOH JADUAL PELAKSANAAN**

## LAMPIRAN 2

### PAPARAN TEMPOH SAH LAKU DI SISTEM E-PEROLEHAN



No. Sebut Harga / Tender QT23000000004975

PTJ PENGURUSAN AM

Status Menunggu Penyediaan Dokumen

Perincian Tawaran Sebut Harga / Tender	MAKLUMAT UMUM
Kriteria Kelayakan Pembekal	Untuk perkhidmatan yang memerlukan bayaran secara progresif, sila pilih Jenis Pemenuhan sebagai Bermasa (Bila Perlu).
Pelantikan Jawatankuasa	* Item Panel <input type="checkbox"/> Tidak
Kelulusan	* Tajuk Perolehan PERKHIDMATAN SECARA TERURUS WEB APPLICATION FIREWALL (WAF) BAGI KEGUNAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)
Taklimat / Lawatan Tapak	Disediakan Untuk PTJ <input type="checkbox"/> PENGURUSAN AM
Perincian Pengiktirafan	* No. Rujukan Fail <input type="text"/>
Potongan Bayaran	Tarikh Dicipta <input type="text"/>
Dokumen Tawaran	Jumlah Harga Indikatif Sebenar (RM) <input type="text"/>
Aktiviti	Jumlah Harga Indikatif Jangkaan (RM) <input type="text"/>
Kelulusan Iklan	Kaedah Perolehan <input type="radio"/> Jenis Sebut Harga / Tender <input checked="" type="radio"/> Terbuka Kepada <input type="checkbox"/> Bumiputra <input checked="" type="radio"/> Semua
	Zon / Lokasi <input type="text"/> * Kategori Perolehan <input type="text"/> <input type="radio"/> Peningkat <input checked="" type="radio"/> 2 Peningkat <input type="checkbox"/> Kategori <input type="text"/> <input type="radio"/> Kategori Perolehan <input type="text"/>
	No. Kontrak Sedia Ada (Jika ada) <input type="text"/> Tempoh Kontrak / Penyiapan (Bulan) <input type="text"/> * Tempoh Sah Laku Tawaran (Hari) <input type="text"/>
	<b>Sila tukar tempoh sah laku di sini kepada <u>180 hari</u></b>
	* Justifikasi Perolehan <input type="text"/>

**LAMPIRAN 3****SENARAI SPESIFIKASI YANG DIBENARKAN.**

BIL	PERKARA	KETETAPAN
1.	<b>Spesifikasi Wajib yang DIBENARKAN.</b>	<p><b>SYARAT UMUM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Pekerja Kebersihan dan Landskap hendaklah bebas dari pengaruh dadah dan alkohol (menjalani ujian pengesahan dadah setahun sekali)</li> <li>2. Warganegara yang berumur di antara 18 hingga 60 tahun (Bagi yang berumur di antara 56 hingga 60 tahun hendaklah mendapat pengesahan kesihatan daripada Klinik / Hospital Kerajaan).</li> <li>3. Syarikat hendaklah mematuhi Pekeliling PK1.9 Perolehan Hijau Kerajaan di dalam pembekalan barang.</li> </ul> <p>**Bilangan bagi peralatan adalah bergantung kepada keperluan institusi.</p> <p><b>PERALATAN WAJIB:</b></p> <p><b>PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Pakaian seragam sebanyak minimum 2 pasang setahun</li> <li>2. Sabun lantai berbau wangi yang disahkan mesra alam.</li> <li>3. Tisu tandas yang disahkan mesra alam/ yang telah dikitar semula. (Di dalam kubikel tandas)</li> <li>4. Tisu tangan yang disahkan mesra alam/ yang telah dikitar semula. (Di ruangan sinki tandas)</li> <li>5. Bakul/tong sampah bertutup di dalam tandas.</li> <li>6. Plastik sampah yang disahkan mesra alam.</li> <li>7. Kain pengelap</li> <li>8. Penyapu</li> <li>9. Penyodok sampah</li> </ul>

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

BIL	PERKARA	KETETAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>10. Penyapu bulu ayam</li> <li>11. Pembersih sawang</li> <li>12. Mop</li> <li>13. Berus tandas</li> <li>14. Sarung tangan getah</li> <li>15. <i>Water wiper / Floor wiper</i></li> <li>16. Baldi</li> <li>17. Notis/ Papan Tanda Pemberitahuan Kerja - Kerja Pembersihan dan Amaran Lantai Licin</li> <li>18. Pembersih hampagas (<i>vacuum cleaner</i>)</li> <li>19. Sabun pencuci tangan bilik air</li> <li>20. Bahan pencuci dan pengilap hendaklah disahkan mesra alam , bersesuaian dan tidak menjelaskan/merosakkan jenis permukaan yang dibersihkan.</li> <li>21. <i>Toilet and urinal sanitizer</i> unit di setiap mangkuk tandas</li> <li>22. Jadual pengesahan kerja pembersihan</li> </ul> <p><b><u>PERKHIDMATAN KEBERSIHAN KAWASAN (LANDSCAPING)</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Peralatan perkebunan</li> <li>2. Pencakar Daun</li> <li>3. Cangkul</li> <li>4. Penyodok longkang</li> <li>5. Penyodok sampah</li> <li>6. Penyapu sampah</li> <li>7. Baja pokok yang disahkan mesra alam</li> <li>8. Bahan kimia dan pencuci yang disahkan mesra alam</li> <li>9. Getah paip</li> </ul>

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

BIL	PERKARA	KETETAPAN
		10. Penyiram pokok 11. Sudip Tangan 12. Serampang Tangan 13. Sarung Tangan 14. Boot Getah 15. Gunting Pemangkas Pokok ( <i>Skateur</i> ) 16. Gunting Taman ( <i>Garden Shears</i> ) 17. Pencantas 18. Parang 19. Pisau 20. Kereta Sorong 21. Jet air ( <i>water jet</i> ) 22. Mesin/ jentera pemotong rumput 23. Mesin/Alatan menyiram pokok 24. Mesin/ Alat penggembur tanah 25. Mesin <i>Blower</i> Daun 26. Plastik sampah yang disahkan mesra alam
2.	<b>Spesifikasi Tambahan yang DIBENARKAN.</b>	<b>PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Tong Sanitari wanita untuk setiap kubikel tandas wanita</li> <li>2. Bakul sampah bertutup di dalam setiap kubikel tandas</li> <li>3. Pewangi bilik air dan ruang pejabat</li> <li>4. Botol penyembur sabun dan pencuci</li> <li>5. Mesin pengelap lantai (<i>buffing/scrubbing</i>)</li> <li>6. Pengering lantai tandas</li> </ul>

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

BIL	PERKARA	KETETAPAN
		<p>7. <i>Urinal Screen Pad</i> untuk urinal tandas lelaki</p> <p>8. Mesin <i>scrubbing</i></p> <p>9. Tangga</p> <p><b><u>PERKHIDMATAN KEBERSIHAN KAWASAN (LANDSCAPING)</u></b></p> <p>1. Pam Racun Tangan</p> <p>2. Racun serangga</p> <p>3. Racun rumput</p> <p>4. Tangga</p> <p>* Bagi spesifikasi selain dari di atas ini mesti mendapatkan kelulusan daripada Setiausaha Bahagian Kewangan, KPT.</p>

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

**LAMPIRAN 4****JADUAL DAN FORMULA PENGIRAAN KEPERLUAN PEKERJA.****JADUAL PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN**

BIL	KRITERIA PENETAPAN BILANGAN PEKERJA BAGI INSTITUSI PENDIDIKAN	JULAT	PEMBERAT
1.	Bangunan: Bilangan Blok	< 10	0.04
		11 - 20	0.08
		21 - 30	0.12
		31 - 40	0.16
		> 40	0.2
2.	Bangunan: Bilangan Bilik	1 - 50	0.05
		51 - 100	0.1
		101 - 150	0.15
		151 - 200	0.2
		201 – 250	0.25
		251 - 300	0.3
3.	Bangunan: Jumlah Aras	< 20 aras	0.05
		20 - 30 aras	0.1
		31 – 40 aras	0.15
		> 40 aras	0.3
4.	Bangunan: Bilangan kubikel tandas	1 – 50 kubikel	0.04
		51 – 100 kubikel	0.08
		101 – 150 kubikel	0.12
		151 – 200 kubikel	0.16
		> 200 kubikel	0.2

BIL	JULAT PEMBERAT	BILANGAN PEKERJA
1.	< 10.0	< 5
	0.10 < jumlah pemberat < 0.20	
2.	0.20 < Jumlah Pemberat < 0.3	< 10
3.	0.30 < Jumlah Pemberat < 0.04	< 15

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

BIL	JULAT PEMBERAT	BILANGAN PEKERJA
4.	0.40 < Jumlah Pemberat < 0.5	< 20
5.	0.50 < Jumlah Pemberat < 0.6	< 25
6.	0.60 < Jumlah Pemberat < 0.7	< 30
7.	0.70 < Jumlah Pemberat < 0.8	< 35
8.	0.80 < Jumlah Pemberat < 0.9	< 40
9.	0.90 < Jumlah Pemberat < 1.0	< 45

**Contoh :**

**Maklumat premis**

Bilangan blok: 3 buah

Bilangan aras: 4 aras setiap blok

Bilangan bilik : 6 bilik setiap aras

Bilangan kubikel tandas: 6 kubikel setiap aras

**Cara kiraan:-**

Julat blok : Bilangan blok adalah kurang daripada 10 jadi pemberat adalah 0.04

Julat aras: Bilangan aras adalah ( $4 \times 3$  blok = 12 aras) iaitu kurang daripada 20 jadi pemberat adalah 0.05

Julat bilik: Bilangan bilik adalah ( $6 \times 12$  aras = 72 bilik) iaitu lebih daripada 51 dan kurang daripada 100 jadi julat adalah 0.1.

Julat kubikel tandas: Bilangan kubikel adalah ( $6 \times 12$  aras = 72 kubikel) iaitu lebih daripada 51 dan kurang daripada 100 jadi julat adalah 0.08.

Maka;

$$\text{Jumlah pemberat} = \text{Julat blok} + \text{Julat aras} + \text{Julat bilik} + \text{Julat kubikel tandas}$$

$$= 0.04 + 0.05 + 0.10 + 0.08$$

$$= 0.27$$

Rujuk jadual berkenaan bilangan pekerja;

0.27 adalah lebih daripada 0.2 dan kurang daripada 0.3 maka bilangan pekerja adalah **kurang daripada 10 orang**.

Garis Panduan Perolehan Tender Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan (KBK) Bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

**PERKHIDMATAN KEBERSIHAN KAWASAN (LANDSCAPING)**

KRITERIA PENETAPAN BILANGAN BAGI INSTITUSI PENDIDIKAN	POLITEKNIK/ KOLEJ KOMUNITI	SPESIFIKASI
	Julat Keluasan	Bilangan Pekerja
Keluasan kawasan keseluruhan (ekar)	< 10.0	< 5
	10.0 < luas < 20.0	< 7
	20.0 < luas < 40.0	< 12
	40.0 < luas < 60.0	< 15
	60.0 < luas < 80.0	< 17
	80.0 < luas < 100.0	< 22
	100.0 < luas < 120.0	< 25
	120.0 < luas < 140.0	< 27
	140.0 < luas < 160.0	< 29
	160.0 < luas < 180.0	< 32
	180.0 < luas < 200.0	< 37
	200.0 < luas	< 39